

Surat khabar: Utusan Malaysia ( Sabah & Sarawak )

Hari/Tarikh: 1/10/2013

Muka surat: 31

Tajuk : Unimas Mahu Miliki Hospital Pembelajaran.

## Unimas mahu miliki hospital pembelajaran

KOTA SAMARAHAN 30  
Sept. - Universiti  
Malaysia Sarawak  
(Unimas) berhasrat  
memiliki sebuah  
hospital pembelajaran  
bagi membolehkan  
pelajar bidang  
perubatannya  
menjalankan latihan  
praktikal.

Naib Canselor  
Unimas, Prof. Datuk Dr.  
Muhammad Kadim  
Suaidi berkata, pada  
masa ini kira-kira 120  
pelajar mendaftar di  
Fakulti Perubatan setiap  
tahun dan mereka akan  
menjalani sesi praktikal  
di hospital-hospital  
kerajaan termasuk  
Hospital Umum  
Sarawak (HUS), Hospital  
Serian dan Hospital  
Sibu.

"Pihak pengurusan  
Unimas telah  
menghantar cadangan  
mewujudkan hospital  
pembelajaran ini kepada  
kerajaan dan berharap  
mendapat  
pertimbangan  
sewajarnya.

"Unimas perlu  
memiliki hospital  
pembelajaran ini bagi  
memastikan kualiti  
pengajaran dan  
pembelajaran pelajar  
perubatan adalah yang  
terbaik," katanya di sini  
semalam.